

**POTENSI PENGGUNAAN KONTENA ISO PERKAPALAN  
SEBAGAI RUMAH MAMPU MILIK DI MALAYSIA**



**PEJABAT PENYELIDIKAN JARINGAN INDUSTRI (PPJI)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)  
32610 SERI ISKANDAR , PERAK  
MALAYSIA**

**OLEH :**

**AMRAN BIN ABDUL RAHIM  
AR MOHAMAD ZAKI YUSOF  
ZAKARIA YAA'COB**

**DISEMBER 2012**

## **Kandungan**

1.	Surat Penyerahan Laporan Akhir .....	iii
2.	Surat Tawaran Dana Kecemerlangan .....	iv
3.	Penghargaan .....	vi
4.	Tajuk Penyelidikan Dan Objektif.....	vii
5.	Laporan .....	1
5.1	Ringkasan Eskutif.....	1
5.2	Pengenalan .....	3
5.3	Tinjauan Literatur.....	8
5.4	Metodologi.....	16
5.5	Hasil Laporan Dan Perbincangan.....	18
5.6	Kesimpulan Dan Pengesyoran.....	28
5.7	Rujukan.....	31
6.	Research Outcomes.....	35
7.	Lampiran.....	36
	Data Statistik Jumlah Kontena yang Dikendalikan mengikut pelabuhan, Malaysia, 2001-2011.....	36

### **3. Penghargaan**

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, projek ini dapat di sempurnakan dengan jayanya. Ucapan terimakasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung yang telah banyak memberi tunjuk ajar, dorongan, sokongan dan bantuan dalam menyiapkan projek.

Ucapan terima kasih juga kepada Prof Ir Dr Hjh Zainab Mohamed ( Rektor UiTM Perak ), Prof Madya Dr Hjh Norlida Mohd Noor (Timbalan Rektor PJIM & A), Prof Madya Dr Mohd Sabrizaa Abd Rashid ( PJIM & A ), En Hanif Ismail ( Penolong Pengurus, CIDB, KL ), Puan Masitah Ibrahim ( Pegawai Penyelaras MISC Bhd ), En Murugan A/L Sanbaganathan ( Timbalan Pengarah KPM ), En Zulkifli Mat Jusoh ( Pemilik 41 Berangan, KL ) dan beberapa pihak lain yang telah sudi meluangkan masa memberi bantuan dan kerja sama dari segi maklumat dan pengetahuan bagi pengumpulan data berkenaan tajuk yang di kaji ini.

Akhir kata, terimakasih sekali lagi diucapkan atas segalanya, tanpa kehadiran dan sokongan dari semua pihak tidak mungkin laporan ini dapat dihasilkan. Semoga segala usaha yang di lakukan mendapat keberkatan dari Nya.

## **5. Laporan**

### **5.1 Ringkasan Eskutif**

Laporan ini disediakan bagi menilai tentang potensi penggunaan kontena ISO perkapalan sebagai rumah mampu milik. Kontena ISO perkapalan ini boleh didapati secara meluasnya dan adalah merupakan salah satu sumber pembangunan yang murah. Walaubagaimanapun, persoalan kenapa sumber ini tidak digunakan secara mutlak di Malaysia tidaklah di ketahui. Atas dasar inilah, laporan ini di kaji untuk menilai tentang potensi kepenggunaannya dan mengenalpasti longgokkan jumlah kontena lebihan ( *surplus* ) yang boleh digunakan untuk tujuan pembangunan rumah mampu milik.


Matlamat laporan adalah untuk mengenalpasti bagaimana kontena ISO perkapalan ini di gunakan, kaedah yang di terima pakai, lokasi di mana perletakannya dan tujuannya secara domestik di Malaysia dan juga penggunaannya secara meluas di pasaran global.

Permintaan semasa terhadap sektor pembinaan khasnya di Malaysia akan diambil kira dan peluang bagi menyakinkan penggunaan kontena ISO sebagai kaedah alternatif bangunan di nilai dengan statistik kontena yang sedia ada di Malaysia.

Laporan ini menunjukkan akan keperluan industri pembangunan di Malaysia, dengan mengambil kira aspek penentuan kualiti dan kecepatan masa pembinaan selain menghentikan penggantungan tenaga pekerja luar. Dengan adanya stok kontena ISO perkapalan yang banyak dan kebolehupayaannya sebagai unit

## **5.2 Pengenalan**

Antara masalah-masalah utama yang mendorong kepada laporan ini adalah apabila wujudnya ketidakseimbangan aktiviti pengekspotan dan pengimutan perdagangan perkapalan di Malaysia yang menampakkan unjuran lebih pengimutan lebih daripada pengespotan. Ini mengakibatkan penambahan kepada sisa terpakai kontena ISO perkapalan menjadikan ianya penyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Akibat daripada itu, kontena terpakai ini tidak lagi digunakan sebagaimana kegunaan asalnya dan di pelbagaikan sebagai struktur sementara seperti kabin penempatan, stor, bengkel dan lain-lain. Secara nyata ianya adalah lebih murah untuk menghasilkan kontena yang baru daripada menghantar semula dalam keadaan kosong ke negara pengimut, menyebabkan kontena ini terbiar sebagai sisa pembuangan. Di kawasan pelabuhan sekitar terminal transit puluhan ribu kontena kosong disimpan dan disusun, tidak digunakan. Ini menjadi masalah kepada pemandangan struktur yang buruk dan terbiar bertahun lamanya.



**Imej 1.1 : Kontena ISO perkapalan yang di simpan dan di susun di Pelabuhan Klang Utara, Malaysia.**

Sumber : Lawatan Tapak pada 2/11/12 Pelabuhan Klang